

**SOALAN NO: 16**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN KARPAL SINGH [ BUKIT GELUGOR ]**  
**TARIKH : 8 APRIL 2014**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah keseluruhan yang dibayar oleh Kementerian bagi kecuaian doktor dalam perkhidmatan Kerajaan dalam tempoh 10 tahun lepas.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Jumlah keseluruhan yang dibayar oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi kecuaian doktor dalam perkhidmatan Kerajaan meliputi kes-kes yang dibawa ke mahkamah dan juga yang dibincangkan di peringkat KKM dan diberikan tawaran *ex gratia* adalah seperti berikut:

Bagi tahun 2003 hingga tahun 2013, jumlah bayaran bagi kes saman kecuaian rawatan perubatan di mahkamah adalah sebanyak RM42,371,381.98. Sementara jumlah bayaran tawaran *ex gratia*

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang bermula pada tahun 2006 bagi kes berpotensi mediko legal adalah sebanyak RM17,636,804.91. Jumlah bayaran bagi kedua-duanya adalah RM60,008,186.89.